

Headline	TNB fokus isu lebihan caj elektrik		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Jun 2019	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Dlm Negeri	Page No	11
ArticleSize	232 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 13,756		



**AMIR HAMZAH AZIZAN** (barisan belakang, tengah) bersama urusetia majlis dalam Mesra Aidilfitri TNB 2019 di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN

## TNB fokus isu lebihan caj elektrik

**KUALA LUMPUR 13 Jun** - Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengulangi komitmen untuk memberi fokus kepada mengatasi dan menyelesaikan isu lebihan kadar caj elektrik membabitkan semua pengguna.

Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Amir Hamzah Azizan berkata, ini kerana, perkara itu dilihat lebih penting berbanding isu lain sehingga siasatan penuh perkara tersebut selesai.

Kata beliau, pihaknya bagaimanapun tidak menerima sebarang notis daripada Suruhanjaya Tenaga (ST) berhubung tindakan penalti ber-

hubung isu tersebut.

“Seperti yang saya katakan sebelum ini, buat masa ini saya tidak tengok perkara itu (tindakan penalti oleh ST) lagi. Yang penting untuk kita ini adalah kita selesaikan masalah yang ada ketika ini.

“Pada kita, khidmat untuk pengguna paling penting. Itu fokus TNB,” katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis Mesra Aidilfitri TNB 2019 yang dihadiri lebih 2,000 tetamu terdiri daripada rakan kongsi, pihak kerajaan, agensi dan kontraktor.

Semalam, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Pe-

rubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata, TNB akan dikenakan penalti oleh ST selepas didapati melakukan beberapa kesalahan dan ketidakpatuhan menyediakan perkhidmatan utiliti kepada pengguna.

Mengulas lanjut, Amir Hamzah berkata, pada Mei lalu, sebanyak 18,000 maklum balas diterima dan daripada jumlah itu, 85 peratus berjaya diselesaikan dengan pemulangan lebihan caj berkenaan.

“Lebihan caj itu telah pun dipulangkan menerusi kredit terus dalam akaun pengguna dan ada juga dipulangkan dalam bentuk fizikal,” ujarnya.